

BELIA HARAPAN NEGARA

19 Jamadil Awal 1443H/24 Disember 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita peroleh keampunan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Muda-mudi atau belia merupakan golongan yang menjadi tonggak masyarakat dan harapan negara. Mereka adalah golongan

pelapis yang akan menjadi pemimpin masa hadapan. Pepatah Arab menyebutkan:

شَبَابُ الْيَوْمِ رِجَالُ الْغَدِ

Yang bermaksud: *“Pemuda hari ini, pemimpin hari esok.”*

Saidina Ali Karamallahu Wajhah pernah berkata: *“Jika kamu mahu melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudinya pada hari ini.”*

Masa muda adalah masa yang mencabar dalam peringkat kehidupan seseorang. Ramai pemuda atau pemudi tergelincir dan terjebak dengan pelbagai kancah kemaksiatan. Mereka dikuasai oleh hawa nafsu dan darah muda yang cenderung mencari keseronokan. Ada yang beranggapan masa muda inilah masa untuk ‘enjoy’ atau berfoya-foya, tua nanti barulah bertaubat. Ini merupakan satu tanggapan yang salah. Rasulullah Sallahu Alaihi Wasallam berpesan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Hakim:

إِغْتَنِمَ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ: شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ،

وَعِغْنَاكَ قَبْلَ فَقْرِكَ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Yang bermaksud: “*Manfaatkan lima perkara sebelum datang lima perkara: Masa mudamu sebelum datang masa tuamu, masa sihatmu sebelum datang masa sakitmu, masa kayamu sebelum datang masa miskinmu, masa lapangmu sebelum datang masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum datang kematianmu.*”

Golongan belia pada hari ini perlu menjauhi segala unsur negatif dalam diri. Salah satu kaedahnya adalah dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu wa Taala. Dalam sebuah hadis berkaitan 7 golongan yang diberi naungan oleh Allah Subhanahu wa Taala pada hari kiamat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan salah satunya adalah:

...وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ

Yang bermaksud: ...*Pemuda yang hidupnya terdidik dengan beribadah kepada Tuhannya.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Dalam Sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kebanyakan golongan yang menerima seruan dakwah ialah golongan belia dan remaja. Contohnya Saidina Abu Bakar memeluk Islam pada usia 38 tahun, Saidina Umar pada usia 28 tahun, Saidina Ali pada usia 10 tahun dan ramai lagi yang memeluk Islam pada usia belasan tahun seperti Mus'ab bin Umair, dan Usamah bin Zaid. Mereka ini kemudiannya banyak membantu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam dakwah dan menjadi tonggak kekuatan kaum Muslimin dalam jihad fi sabilillah.

Allah Subhanahu wa Taala menghidangkan kisah teladan kepada belia hari ini agar mencontohi kekentalan iman para pemuda gua (*ashabul kahfi*). Firman-Nya dalam Surah al-Kahfi ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِذْ أَوَى الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا
مِن أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾

Yang bermaksud: “(Ingatlah) tatkala pemuda-pemuda itu mencari tempat berlindung ke dalam gua lalu mereka berdoa:

“Wahai Tuhan kami berikanlah rahmat kepada kami dari sisi-Mu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami.”

Ashabul Kahfi menghindari kezaliman pemerintah Rom pada masa itu yang mahu membunuh mereka kerana enggan menyembah berhala. Mereka lari menyelamatkan diri dan bersembunyi di dalam gua. Allah Subhanahu wa Taala menidurkan mereka di gua tersebut bertahun-tahun lamanya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.

Negara kita amat memerlukan tenaga belia yang berilmu, berkemahiran, teguh pendirian, bersikap positif dan berintegriti. Jadi sebagai penutup khutbah pada hari ini, khatib menyeru kepada semua belia agar menjaga iman, sentiasa menimba ilmu dan kemahiran serta menjaga diri daripada terjebak dengan masalah sosial seperti penagihan dadah, pergaulan bebas, hiburan melampau dan sebagainya. Jadilah belia yang istiqamah memperjuang dan mempertahankan pemerintahan Islam di negara ini agar negara kita tidak diperintah oleh golongan memusuhi Islam. Semoga dengan kudrat para belia sekalian, negara kita akan

bertambah maju, aman makmur dan diberkati oleh Allah Subhanahu wa Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ

وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

Yang bermaksud: “Kami ceritakan kisah mereka kepadamu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.